



**PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)**

(Malaysian Mathematical Sciences Society)

d/a Jabatan Sains Matematik

Fakulti Sains & Teknologi

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor D.Ehsan

Tel: 603-89213423/603-89213711, Faks: 603-89254519

Mel-e: maslina@ukm.edu.my, mohdalmie@ukm.edu.my

Web: <http://www.persama.org.my>

10 MAC 2023

**SEMUA KETUA JABATAN  
AHLI SEUMUR HIDUP PERSAMA  
MEREKA YANG BERKENAAN**

*Assalamu'alaikum wbkt*

Tuan/Puan,

**HEBAHAN TAWARAN PENAJAAN YURAN UNTUK PENYERTAAN KE SKSM30**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) bersama Institut Matematik Kejuruteraan, Universiti Malaysia Perlis (IMK, UniMAP) akan menganjurkan Simposium Kebangsaan Sains Matematik ke-30 (SKSM30) pada 26 dan 27 September 2023 bertempat di Hotel Raia, Alor Setar, Kedah dan juga secara atas talian.

3. Sehubungan itu, PERSAMA berbesar hati untuk menaja yuran penyertaan SKSM30 bagi beberapa ahli seumur hidup PERSAMA yang telah mendaftar keahlian selama sekurang-kurangnya setahun dan akan menjadi pembentang dalam SKSM30. Ahli PERSAMA yang telah menerima tajaan yuran SKSM dalam tempoh lima tahun kebelakang tidak boleh memohon tajaan ini.

4. Untuk memohon, ahli yang berminat dan memenuhi syarat-syarat di atas perlu mengisi dan mengembalikan borang permohonan (Lampiran 1) bersama-sama dengan surat penerimaan abstrak SKSM30 kepada urusetia PERSAMA di alamat emel [setiausaha@persama.org.my](mailto:setiausaha@persama.org.my). Untuk makluman, tarikh akhir permohonan adalah pada 31 Mei 2023.

5. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada urusetia di alamat emel [setiausaha@persama.org.my](mailto:setiausaha@persama.org.my). Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk menghebahkan maklumat ini kepada mereka yang berkenaan di Jabatan tuan/puan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

*Wassalam.*

Yang benar,

Prof. Dr. Maslina Darus  
Presiden PERSAMA